

MAHATHIR - SABAH

(1)

KUALA LUMPUR, 11 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, KERAJAAN PUSAT TIDAK CAMPUR TANGAN UNTUK MENENANGKAN KEADAAN POLITIK DI SABAH KERANA IA MENGANGGAP PERTIKAIAN ANTARA PARTI-PATTI POLITIK DI NEGERI ITU SOAL NEGERI ITU SENDIRI.

PERDANA MENTERI BERKATA, KUALA LUMPUR TIDAK BERHASRAT UNTUK MEMBABITKAN DIRI DALAM MASALAH KECUALI JIKA KEADAAN DI SABAH TIDAK DAPAT DIKAWAL LAGI, KATANYA SEMASA SOAL JAWAB DENGAN PARA WARTAWAN PADA MAJLIS MAKAN MALAM ANJURAN KELAB KEBANGSAAN WARTAWAN MALAYSIA DI SINI MALAM TADI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, TERPULANGLAH KEPADA PARTI PEMERINTAH BERTA PARTI-PARTI POLITIK YANG LAIN UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH DI SABAH KERANA MASALAH ITU DITIMBULKAN OLEH MEREKA. -- BERNAMA.

2014MST 11 03 86